



MALAYSIAN INSTITUTE
OF ACCOUNTANTS

**Laporan
Juruaudit
yang
Dipertingkatkan**
Soalan dan Jawapan

The views expressed in this publication are those of the staff of the Malaysian Institute of Accountants ("MIA") Professional Practices and Technical and do not necessarily reflect the official policy or position of MIA or the MIA Council.

The publication is owned by MIA and any part of the content shall not be referenced, extracted, utilised, shared and/or distributed by recipients of this publication without the written prior consent of MIA.

Copyright © May 2017 by the Malaysian Institute of Accountants (MIA). All rights reserved.

The Malaysian Institute of Accountants' logo appearing on/in this publication is a registered trademark of MIA. No part of this publication either in whole or in part may be copied, reproduced, recorded, distributed, republished, downloaded, displayed, posted, stored or transmitted in any form (tangible or intangible) or by any means, including but not limited to electronic, mechanical, photocopying, scanning or audio/video recording, information storage or retrieval system for any purpose whatsoever without prior express written permission of MIA. Such request can be emailed to the Strategic Communication Department at: communications@mia.org.my

Permission is however granted to any person to make copies of this publication provided that such copies are strictly for personal use or fair use in the academic classrooms. Such copies shall not be sold or disseminated and each copy shall bear the following credit line – "Used with the permission of the Malaysian Institute of Accountants".

Any unauthorized use of this publication and/or any creation of a derivative work therefrom in any form or by any means is strictly prohibited and may violate the relevant intellectual property laws. In the event of any violation or infringement of MIA's copyright and/or logo, MIA will not hesitate to take legal action for such violation and/or infringement

Image credits (with modifications):

- Front cover, back cover, and content pages - Created by Freepik from http://www.freepik.com/free-vector/minimalis-brochure-template_827573.htm, retrieved on 25 Apr 2017

Disclaimer

This publication contains general information only and MIA shall not, by means of this publication be construed as rendering any professional advice in relation to any matter contained in this publication. This document shall not be used as a basis for any decision or action that may or may not affect your business. Before making any decision or taking any action that may or may not affect your business, you are advised to consult an independent professional advisor.

Whilst every reasonable care has been taken in preparing/compiling this document, MIA makes no representations or warranties of whatsoever nature (either expressly or impliedly) in respect of this publication including but not limited to the accuracy, suitability, reliability or completeness of the information contained in this publication.

Please take notice that under no circumstances will MIA, its Council members, directors and employees be liable to any person or business entity for any direct or indirect losses, costs or damages howsoever arising including due to the use of and reliance of any information contained in this publication.



Kandungan

Muka



Laporan Juruaudit yang
Dipertingkatkan
Soalan dan Jawapan



Pengenalan



Laporan Juruaudit yang
Dipertingkatkan



Laporan Juruaudit yang Dipertingkatkan Soalan dan Jawapan

Bermula dari 2017 dan seterusnya, pengguna penyata kewangan yang telah diaudit untuk tempoh kewangan berakhir pada atau selepas 15 Disember 2016, akan menyaksikan format laporan audit bebas yang dipertingkatkan yang:

- (a) Memberi lebih penjelasan dan pemahaman tentang audit penyata kewangan sesebuah entiti; dan
- (b) Menerangkan dengan lebih baik tentang apa itu audit dan apa yang dilakukan oleh seorang juruaudit.

Perubahan paling ketara ialah penambahan satu bahagian tentang “Perkara audit utama” dalam laporan audit entiti yang tersenarai. Perkara audit utama (PAU) yang sebelum ini hanya terhad kepada komunikasi antara juruaudit, pihak pengurusan dan mereka yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran (TCWG), kini perlu didedahkan dengan sewajarnya dalam laporan audit yang ditambah baik. TCWG merujuk kepada Lembaga Pengarah sesebuah entiti.

Penerbitan ini bermatlamat untuk menjelaskan beberapa persoalan biasa berkaitan laporan juruaudit yang dipertingkatkan.



Pengenalan



Apa itu audit penyata kewangan?

Audit ialah satu pemeriksaan ke atas penyata kewangan sesebuah entiti oleh pihak yang bebas daripada entiti tersebut. Tujuan dilakukan audit ialah untuk memberi satu pandangan tentang sama ada maklumat yang dinyatakan dalam penyata kewangan sesebuah entiti, apabila dilihat secara keseluruhan, menggambarkan dengan saksama prestasi kewangan bagi satu tempoh dan kedudukan kewangan pada tarikh yang diberikan.

Pada bahagian akhir audit, juruaudit akan mengeluarkan satu laporan juruaudit yang memberi pendapat tentang penyata kewangan bagi kerja yang telah dilaksanakan dan menggariskan aspek-aspek utama kerja audit yang telah dilakukan oleh juruaudit.



Apakah yang tidak dilakukan oleh audit?

Audit tidak menjamin bahawa:

- (a) Semua penipuan yang berlaku, dikenal pasti atau dilaporkan;
- (b) Semua kelemahan dalam kawalan dalaman sesebuah entiti telah dikenal pasti dan diselesaikan;
- (c) Sesebuah entiti adalah solven dan boleh meneruskan perniagaan untuk selama-lamanya; dan
- (d) Semua angka kewangan adalah tepat.

Ini ialah kerana adalah tidak praktikal bagi seseorang juruaudit untuk menguji setiap urus niaga entiti tersebut dan perlu membuat pertimbangan dalam mengaudit anggaran dan andaian yang dibuat oleh para pengarah. Oleh itu, audit hanya boleh menyediakan jaminan yang munasabah iaitu satu keyakinan tahap tinggi tetapi bukan satu jaminan terhadap penyata kewangan tersebut.



Laporan Juruaudit yang Dipertingkatkan



Apakah perubahan utama dalam laporan juruaudit yang dipertingkatkan ini?

	DIGUNAPAKAI UNTUK ENTITI YANG TERSENARAI	DIGUNAPAKAI UNTUK SEMUA ENTITI
Penstrukturan semula laporan audit untuk memudahkan pembacaan – terutamanya, bahagian Pendapat perlu dibentangkan dahulu , diikuti oleh bahagian Asas kepada Pendapat	✓	✓
Komunikasi berkaitan PAU	✓	Pilihan
Usaha berterusan (UB): <ul style="list-style-type: none"> Huraian tentang tanggungjawab pengarah dan juruaudit untuk UB Bahagian berasingan tentang ketidakpastian bahan, di mana ada 	✓	✓
Maklumat lain (ML): <ul style="list-style-type: none"> Huraian tentang tanggungjawab pengarah dan juruaudit untuk ML Status pertimbangan juruaudit tentang ML pada tarikh laporan juruaudit 	✓ dengan laporan tambahan untuk entiti-entiti yang tersenarai	✓
Pernyataan kebebasan tanggungjawab beretika positif juruaudit dan penyempurnaan lain-lain	✓	✓
Huraian lanjut tentang tanggungjawab juruaudit dan ciri-ciri utama audit	✓ dengan huraian tambahan untuk entiti-entiti yang tersenarai	✓

4


Apa itu PAU?

PAU menyediakan maklumat kepada pengguna penyata kewangan tentang perkara yang mana juruaudit memperuntukkan usaha yang lebih dalam mengaudit penyata kewangan bagi tempoh semasa. Perkara yang mana juruaudit perlu memperuntukkan usaha yang lebih selalunya adalah bidang yang sukar dan kompleks dalam penyata kewangan dan bidang yang memerlukan para pengarah menggunakan budi bicara yang signifikan.

Memahami bidang-bidang kritikal yang difokuskan oleh juruaudit dalam melakukan audit seharusnya dapat membantu pengguna memahami penyata kewangan dengan lebih baik.

PAU dipilih daripada perkara-perkara yang disampaikan oleh juruaudit kepada Lembaga Pengarah. Daripada perkara-perkara ini, juruaudit akan memilih perkara-perkara yang memerlukan perhatian penting dalam melaksanakan audit. Akhir sekali, juruaudit akan memilih perkara-perkara yang paling penting dalam audit tersebut.

Gambar rajah di bawah menggambarkan rangka kerja membuat keputusan secara keseluruhan:



Huraian mengenai setiap perkara audit utama akan disesuaikan untuk entiti tersebut dan akan:

- (a) Menerangkan kenapa perkara tersebut dianggap salah satu perkara paling penting dalam audit;
- (b) Menjelaskan bagaimana perkara tersebut ditangani dalam audit; dan
- (c) Menyediakan rujukan untuk di mana perkara ini didedahkan dalam penyata kewangan.



Adakah juruaudit memberikan pendapat yang berasingan apabila menyampaikan PAU?

Bahagian Pendapat membentangkan pendapat juruaudit tentang penyata kewangan secara keseluruhan, sebaliknya bahagian PAU menyediakan maklumat tambahan tentang perkara-perkara yang paling penting dalam audit penyata kewangan. Oleh itu, juruaudit tidak memberi pendapat yang berasingan mengenai PAU.



Adakah PAU bersamaan dengan pendapat audit bersyarat?

Seperti yang telah dijelaskan, PAU ialah perkara-perkara yang paling penting dalam audit penyata kewangan sesebuah entiti. Walau bagaimanapun, perkara-perkara ini tidak harus dianggap sebagai menyatakan terdapat sesuatu yang tidak kena dengan penyata kewangan atau bidang-bidang yang berpotensi untuk menimbulkan isu kelayakan audit atau adalah indikatif kepada masalah atau kelemahan dalam kawalan dalaman entiti tersebut.



Bagaimanakah pelabur boleh memanfaatkan PAU untuk bertanya soalan-soalan yang berkaitan kepada para pengarah dan juruaudit?

Para pelabur boleh memanfaatkan PAU dalam memahami penyata kewangan dan mendapat pencerahan yang lebih jelas tentang entiti tersebut. Sebagai contoh, sekiranya terdapat PAU berkaitan pengambilalihan sesebuah perniagaan dalam tahun tersebut:

- (a) Soalan-soalan yang boleh ditanya kepada para pengarah termasuk:
 1. Apakah tujuan pengambilalihan tersebut?
 2. Di atas asas apakah harga belian tersebut diterima?
- (b) Soalan-soalan yang boleh ditanya kepada juruaudit termasuk:
 1. Bagaimanakah juruaudit yakin bahawa penilaian aset tak ketara adalah wajar?
 2. Adakah khidmat pakar luar digunakan dalam proses penilaian tersebut?



Apakah tanggungjawab para pengarah berkaitan PAU?

Adalah penting untuk memahami bahawa juruaudit tidak bertanggungjawab terhadap penyata kewangan yang digunakan untuk menyatakan pendapat.

Para pengarah sesebuah entiti kekal bertanggungjawab terhadap penyata kewangan tersebut. Oleh kerana itu, para pengarah hendaklah menyampaikan maklumat berkaitan kepada pengguna tentang entiti tersebut termasuk memberikan pendedahan yang mencukupi selaras dengan rangka kerja pelaporan kewangan yang boleh diterima.

Dengan adanya PAU, para pengarah diharapkan dapat memastikan bahawa pendedahan yang sewajarnya telah dibuat dalam penyata kewangan dan untuk memberi komen, apabila sesuai, tentang penilaian mereka terhadap PAU.



Adakah PAU akan sama untuk entiti-entiti yang beroperasi dalam industri yang serupa?

Audit dijalankan dengan pendekatan berasaskan risiko. Walaupun entiti-entiti tersebut mungkin beroperasi dalam industri yang serupa, kemungkinan terdapat perbezaan dalam model pengawalan dan operasi serta proses.

Oleh itu, PAU bagi entiti-entiti yang beroperasi dalam industri yang serupa mungkin berbeza.



Adakah terdapat keadaan apabila juruaudit menentukan bahawa tiada PAU untuk dilaporkan?

Dalam keadaan-keadaan terhad yang tertentu, juruaudit boleh menentukan bahawa tiada PAU kerana tiada perkara yang memerlukan perhatian penting juruaudit. Sebagai contoh, entiti yang tersenarai yang mempunyai operasi yang sangat terhad mungkin tidak mempunyai PAU dalam laporan auditnya.



Bagaimanakah laporan juruaudit akan menangani usaha berterusan (UB)?

Adalah penting untuk memahami bahawa para pengarah sesebuah entiti bertanggungjawab untuk menilai keupayaan entiti tersebut untuk meneruskan sebagai UB.

Tanggungjawab juruaudit adalah untuk menentukan kesesuaian penggunaan asas perakaunan UB oleh para pengarah dan menentukan jika terdapat sebarang isu UB yang harus diserlahkan.

Penyampaian juruaudit mengenai UB akan bergantung kepada fakta-fakta dan keadaan-keadaan entiti tersebut seperti berikut:

FAKTA DAN KEADAAN		KOMUNIKASI DALAM LAPORAN JURUAUDIT
Juruaudit merumuskan bahawa penggunaan asas perakaunan UB oleh para pengarah dalam penyediaan penyata kewangan adalah sesuai.		Juruaudit mengeluarkan pendapat audit tanpa syarat.
Juruaudit merumuskan bahawa penggunaan asas perakaunan UB oleh para pengarah dalam penyediaan penyata kewangan adalah tidak sesuai.		Juruaudit mengeluarkan pendapat audit bertentangan.
Juruaudit merumuskan bahawa penggunaan asas perakaunan UB oleh para pengarah dalam penyediaan penyata kewangan adalah sesuai.	Pendedahan oleh para pengarah dalam penyata kewangan adalah mencukupi.	Juruaudit mengeluarkan pendapat audit tanpa syarat. Sebagai tambahan, satu bahagian berasingan dengan tajuk “Ketidakpastian Material Berkaitan Usaha Berterusan” dimasukkan dalam laporan juruaudit. Bahagian ini akan memberi perhatian kepada nota dalam penyata kewangan yang menjelaskan tentang ketidakpastian material.
Walau bagaimanapun, ketidakpastian material wujud yang berkaitan dengan perkara atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan ketara ke atas keupayaan entiti tersebut untuk meneruskan sebagai UB.	Pendedahan oleh para pengarah dalam penyata kewangan adalah tidak mencukupi atau ditiadakan.	Juruaudit mengeluarkan pendapat bersyarat atau bertentangan, sebagai wajar.
Perkara atau keadaan dikenal pasti yang boleh menimbulkan keraguan ketara ke atas keupayaan entiti untuk meneruskan sebagai UB tetapi selepas mempertimbangkan rancangan pengarah untuk menangani perkara-perkara atau keadaan ini, para pengarah dan juruaudit merumuskan bahawa ketidakpastian material tidak wujud (iaitu situasi “close call”).		“Close calls” mungkin ditentukan sebagai PAU dan disampaikan dalam laporan audit.

Chartered Accountants Malaysia and MIA

The Chartered Accountant Malaysia or “C.A.(M)” is a designation conferred by the Malaysian Institute of Accountants (“MIA”) to a professional in accountancy, business and finance with a recognised accountancy qualification and relevant work experience. C.A.(M) are the industry captains, corporate leaders and decision makers that play significant roles in nation building.

MIA was established under the Accountants Act 1967 as the statutory accountancy body that regulates, develops, supports and enhances the integrity and status of the profession while upholding the public interest.

Working closely alongside strategic business partners and stakeholders, MIA connects its members to a wide range of continuous professional development programmes, updates and networking opportunities. Presently, there are over 33,000 members making their strides across all industries in Malaysia and around the world.

Vision

To be a globally recognised and renowned institute of accountants committed to nation building.

Mission

To develop, support and monitor quality and expertise consistent with global best practices of the accountancy profession in the interest of stakeholders.

Objectives

1. Develop and enhance the competency of accountancy professionals to meet market demand;
2. Advance and enhance the status (professionalism, competency, ethics) of members and the accountancy profession in Malaysia;
3. Support & regulate (furthering, drive, lead, ensure) the practice of the accountancy profession in Malaysia consistent with global standards and best practices;
4. Promote the accountancy profession as a profession of choice.; and
5. Well governed organisation with good Talent Management, Operational and Financial sustainability.



MALAYSIAN INSTITUTE
OF ACCOUNTANTS

Dewan Akauntan
Unit 33-01, Level 33, Tower A, The Vertical
Avenue 3, Bangsar South City
No. 8, Jalan Kerinchi,
59200 Kuala Lumpur
Malaysia
[phone] +603 2722 9000
[fax] +603 2722 9100
[email] technical@mia.org.my
[web] www.mia.org.my